



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 43 / 2022

PENGGANTUNGAN PENGUNDIAN
PILIHAN RAYA UMUM KE-15 (PRU KE-15)
BAHAGIAN PILIHAN RAYA PARLIMEN P.220
BARAM

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan keputusan untuk menggantung pengundian di 11 Pusat Mengundi di Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.220 Baram kerana keadaan cuaca yang tidak baik serta menyebabkan petugas tidak dapat sampai ke tempat bertugas sama ada melalui laluan udara, darat dan air.
2. Senarai Pusat Mengundi dan Tempat Mengundi (Saluran) yang terlibat adalah seperti berikut:

BIL	PUSAT MENGUNDI	TEMPAT MENGUNDI (SALURAN)
1	Sekolah Kebangsaan Long Naah	Saluran 1 & 2
2	Sekolah Kebangsaan Long Luteng	Saluran 2
3	RH TK Matthew Belulok Lalo Kpg. Lepo Gah	Saluran 1 & 2
4	Sekolah Kebangsaan Long Sait	Saluran 2

BIL	PUSAT MENGUNDI	TEMPAT MENGUNDI (SALURAN)
5	Sekolah Kebangsaan Long Tungan	Saluran 1 & 2
6	Sekolah Kebangsaan Long Moh	Saluran 1 & 2
7	Sekolah Kebangsaan Long Mekabar	Saluran 1
8	Sekolah Kebangsaan Long Jekitan	Saluran 1 & 2
9	Sekolah Kebangsaan Long Lamei	Saluran 2
10	Sekolah Kebangsaan Lio Mato	Saluran 1 & 2
11	Sekolah Kebangsaan Long Banga	Saluran 1 & 2

3. Tarikh baharu pengundian bagi Pusat Mengundi dan Tempat Mengundi (Saluran) akan dimaklumkan kelak setelah keadaan selamat untuk petugas dan pengundi sampai ke pusat mengundi bagi menjalankan pengundian.

Sekian, harap maklum.

TAN SRI ABDUL GHANI SALLEH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

19 November 2022 / 24 Rabiulakhir 1444H